# PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 21 BILANGAN 41 | RABU 13HB. OKTOBER, 1976. | 1396 رابو 19 شوال | PERCHUMA


# PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN LAWAT BATTALION KEDUA AMDB



Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dalam satu majlis jamuan yang telah di-adakan oleh Battalion Kedua AMDB bagi memperingati hari keputeraan Baginda yang ke-60 tahun. Dalam majlis ini Baginda di-hadiahkan chendera mata — pengayoh perak.

TUTONG. — Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifudein Shaadul Khairi Wadein, sa-laku Colonel-in-Chief, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah di-ra'ikan dalam satu majlis untok memperingati hari keputeraan Baginda yang ke-60 tahun, oleh Battalion Kedua AMDB di-Perkhemahan Tutong sini pada malam Sabtu lepas.

Di-Majlis itu Duli Yang Teramat Mulia telah di-hadiahkan sa-buah chendera mata (sa-batang pengayoh perak) sempena hari keputeraan Baginda yang telah di-sampaikan oleh Awang Sidop bin Salat, anggota askar termuda dalam battalion itu.

Antara yang hadhir dalam majlis tersebut ia-lah; Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, Pemerintah Pasokan Colonel Norman Roberts dan Pegawai2 Kanan Batallion Pertama dan Kedua.

Sebelum itu di-sebelah petang setiba Baginda di-Perkhemahan Tutong, Duli Yang Teramat Mulia itu telah di-sambut dalam satu perbarisan kehormatan terdiri Battalion Kedua AMDB.

Kemudian Baginda telah di-bawa melawat2 keadaan sekitar perkembangan serta kedudokan Batallion Kedua. Baginda juga berksempatan di-bawa melawat Sekolah Anak2 AMDB di-situ.

## 130 di-anugerahkan tambang perchuma Fardhu Haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 130 orang telah di-anugerahkan tambang perchuma untok menunaikan fardhu haji pada tahun ini. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sendiri telah menganugerahkan tambang itu kapada 23 orang raayat Baginda.

Sa-lain dari itu Baginda juga telah memberikan tambang perchuma kapada empat orang Muallaf termasok sa-orang perempuan dan Majlis Ugama Islam memberi wang saku sa-banyak $2,000 tiap2 sa-orang kapada Muallaf2 itu.

Sa-ramai 103 orang terdiri dari kakitangan Kerajaan Baginda yang telah bersara dan yang berhak menerima kornia tambang itu menurut sharat2 yang di-tentukan telah menerima tambang khas dari Kerajaan Baginda.

(Pengarang menerima maalumat yang tidak tepat saperti yang termuat dalam lidah pengarang di-muka 2).

Mulai tahun ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan perkenan Baginda telah menaikkan kornia tambang dari Kerajaan Baginda sa-hingga ka-kadar $3,000 tiap2 sa-orang. Sabelum-nya, kadar pengorniaan tambang itu ia-lah $2,500 tiap2 sa-orang.

Mulai tahun ini juga, kakitangan Kerajaan Baginda yang berugama Islam dan telah berkhidmat sekurang2-nya 15 tahun serta bergaji bulan di-bolehkan memohon anugerah tambang haji itu.

Perubahan ini menunjokkan bahawa pengorniaan itu tidak-lah terhad kapada kakitangan yang telah bersara, bahkan telah di-luaskan di-kalangan yang berhajat untok menunaikan ibadah itu sa-telah memenohi sharat2 tersebut sa-lain daripada sharat2 sampingan saperti mempunyai kechenderongan belajar ugama melalui kelas2 ugama.

## *209 pasti ka-Tanah Suchi*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peluang telah di-bukakan sa-hingga petang semalam untok mempastikan jumlah jemaah2 haji Brunei yang akan berangkat ka-tanah suchi tahun ini.

Juruchakap Bahagian Urusan Haji, di-Jabatan Hal-Ehwal Ugama menyatakan bahawa menurut pendaftaran sa-ramai 249 orang telah mendaftar, tetapi sa-hingga petang hari Isnin lepas sa-ramai hampir 200 orang telah memberikan kepastian untok berangkat menunaikan ibadah rukun Islam yang kelima itu.

Bagaimana pun, beberapa minit sa-belum Pelita Brunei menjalani perchetakan perengkat akhir pada lewat tengahari semalam, juruchakap Bahagian Urusan Haji memberitahu sa-ramai 209 telah memberikan kepastian mereka.

Ketika di-minta mengulas apakah bilangan itu akan bertambah, juruchakap itu tidak dapat memberikan kepastian-nya, tetapi berkata:

"Menurut pengalaman yang sudah2 kadang2 ada yang datang memberikan kepastian itu dalam beberapa saat saja lagi waktu-nya itu di-tutop."

Tempoh memberikan kepastian itu di-tutop ia-lah jam 2.30 petang semalam.

## PEGAWAI HAL-EHWAL KEBAJIKAN HAJI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat orang pegawai kanan Kerajaan termasok sa-orang pegawai dari Askar Melayu Diraja Brunei telah di-namakan sa-bagai Pegawai2 Perhubongan Haji yang akan mengendalikan hal-ehwal kebajikan jemaah2 haji Brunei di-sepanjang perjalanan ka-tanah suchi pada tahun ini.

Mereka itu ia-lah Yang Dimuliakan Pehin Datu Harimau Padang, Major Dato Hussain bin Ahmad dari pasokan Askar Melayu Diraja Brunei; Awang Yunus bin Haji Hussain, Pegawai Pentadbir Kanan di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan; Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, Pegawai Ugama Kanan dan Awang Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Lela (Begawan Mudim) Dato Hj Ismail, Pegawai Ugama.

Sementara itu, Jabatan Perubatan juga telah menamakan empat orang kakitangannya termasok sa-orang doktor untok mengendalikan hal-ehwal perubatan dan kakitangan bagi jemaah2 haji Brunei itu.

Mereka itu ia-lah Dr. Mir Ghulam Ghouse; Awang Mohammad bin Haji Tengah; Dayang Khadijah binte Abdullah @ Irene Au dan Awg Jaafar bin Tengah.

PELITA BRUNEI

13HB OKTOBER, 1976

# HAL-EHWAL KEBAJIKAN HAJI

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerusi Jabatan Hal-Ehwal Ugama, tahun ini nampak-nya terpaksa menghadapi masaalah2 yang agak rumit untok menetapkan kesimpulan berhubong dengan tambang haji pada tahun ini. Dan, akhir-nya bahagian urusan2 haji mengumumkan jumlah kadar tambang yang sa-memang-nya di-sedari sa-bagai satu kadar yang mengejutkan jika di-bandingkan dengan tahun2 yang sudah. Ini-lah kesan pertama yang agak mengganggu fikiran sa-bilangan besar jemaah2 haji kita pada tahun ini. Dengan yang demikian, saperti hal-nya dengan tahun2 yang sudah timbul-lah beberapa reaksi yang kadang-kala menyandarkan hal itu sa-bagai satu kesalahan yang besar yang telah di-lakukan oleh Jabatan Hal-Ehwal Ugama kerana kurang bijaksana dalam mengatasi perkara tahunan ini. Saranan mungkin timbul bahawa sa-patut-nya JHEU telah mengadakan persediaan2 yang perlu untok menghadapi kemungkinan2 yang di-ketahuai akan timbul itu.

Satu hal yang harus kita tinjau terlebeh dahulu, maka perlu-lah kita menchari apa-kah benar hal itu memang satu kesalahan atau kesilapan JHEU ? Apa yang jelas bahawa JHEU tidak pernah menetapkan kadar tambang yang harus di-bayar pada tahun ini dan hanya memberi tahu sa-telah menerima ketetapkan perbelanjaan yang bukan saja sekadar tambang ka-Jeddah bahkan juga perbelanjaan di-sepanjang mengerjakan ibadah haji itu. Untok lebeh jelas bahawa tambang ada-lah di-tentukan oleh sharikat penerbangan yang berkenaan sementara perbelanjaan mengerjakan ibadah haji ada-lah di-tetapkan oleh pehak Kerajaan Arab Saudi. Di-sini ternyata bahawa JHEU hanya-lah sa-bagai pengurus, perunding dan pelaksaan dalam langkah2 kebajikan dan kepentingan kesejahteraan jemaah2 kita itu dengan kerjasama jabatan2 yang lain.

Tentu-nya kita dapat mengesan bagaimana kegigihan JHEU melaksanakan urusan2 haji ini dan sentiasa berusaha bagi mengelakkan apa jua bentok kesusahan yang bakal di-tanggongi oleh jemaah2 kita itu. Dan tahun demi tahun sentiasa menapis apa yang telah di-lalui oleh jemaah kita itu dan chuba mengatasi perkara2 yang di-anggap menjadi kesulitan pada tahun2 berikut-nya.

Soal penerbangan, mithal-nya, sejak tahun lepas telah di-kelolakan oleh RBA yang tidak di-ragukan pengalaman-nya dalam urusan2 penerbangan. Memberikan keperchayaan kapada RBA itu, kita yakin, ada-lah merupakan satu langkah untok lebeh menjamin, terutama-nya mengenai kekhuatiran timbul-nya perkara2 yang mengaralkan penerbangan dan lain2 hal-ehwal kebajikan jemaah. RBA telah menghubongi lebeh dari 30 buah sharikat penerbangan dan akhir-nya China AirLines terpileh dengan kadar tambang yang telah di-umumkan itu.

Memperkatakan kebajikan haji ini, maka ternyata ia tidak terhad kapada JHEU, bahkan menarek perhatian pehak2 yang lain termasok mengadakan skem penganugerahaan tambang menunaikan ibadah itu. Tahun ini sa-ramai 129 orang mendapat anugerah itu 22 menerima anugerah dari Kebawah D.Y.M.M.; 103 orang menerima tambang Kerajaan Baginda 4 orang Muallaf menerima anugerah tambang dan belanja2 lain dari Majlis Ugama Islam. Berikutan dengan terdapat perubahan besar dalam tambang itu, maka penganugerahan itu telah di-naikkan menjadikan ka-jumlah $3,000 ia-itu berlebehan $440 dari tambang tiap2 sa-orang tahun ini yang mana ia-nya boleh merengankan dalam pembayaran Bank Draft yang juga kadar-nya naik dari sa-belum-nya.

Ini menunjokkan bahawa hal-ehwal kebajikan haji dan penganugerahan tambang-nya telah mengalami perubahan yang bagitu besar. Jika mahu di-tanjau lebeh mendalam dan bersedia membuat tinjauan akibat yang terpaksa kita terima dari kesan ekonomi dunia, maka usaha Kerajaan Baginda itu pada merengankan jemaah2 kita itu dapat di-katakan lebeh dari yang berpatutan ataupun sekurang2-nya sejajar dengan dasar kebajikan-nya. Jangan-lah sedikit yang rubit itu di-rosakkan seluroh-nya.

# KELUARAGA KEBAKARAN TERIMA BANTUAN KEBAJIKAN



Awang Ahad bin Orang Kaya Jumat sedang menerima bantuan dari Ketua Pegawai Kebajikan, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Datin Hajjah Zaharah. Gambar keluarga Awang Ahad ini juga ada di-siarkan di-muka 4.

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Ahad bin Orang Kaya Jumat, dari Kampong Kupang, Batu 15, Jalan Tutong, telah menerima bantuan wang sa-banyak $2,000 yang telah di-sampaikan oleh Ketua Pegawai Kebajikan, Dati Hajjah Zaharah bin Haji Idris, baru2 ini.**

Awang Ahad serta keluarga ada-lah salah satu keluarga yang telah di-timpa benchana kebakaran, ketika menjelang Hari Raya yang baru lalu, yang di-perchayai bermula apabila tirai rumah mereka telah di-jilat api lampu minyak tanah.

Kerugian di-taksir berjumlam $5,000. Dan kebakaran itu telah dapat di-padamkan oleh Pasokan Bomba dari Bandar Seri Begawan dalam masa 40 minit. Tidak ada kemalangan di-laporkan.

Awg Ahad ingin menyampaikan terima kaseh-nya kapada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, melalui Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, atas bantuan yang telah di-hulorkan kapada-nya serta keluarga. Kapada kawan2 serta sahabat handai, beliau juga tidak lupa menguchapkan terima kaseh-nya di-atas bantuan berupa wang dan mata benda yang telah mereka hulorkan, "mudah2an Allah, jua akan dapat membalaskan-nya dengan kebajikan, di-atas budi baik serta derma2 yang telah di-sumbangkan kapada kami itu," ujar Awang Ahad.

Ada-lah di-fahamkan bahawa lebeh $30,000 wang yang telah di-dermakan oleh Badan Kebajikan Kebangsaan Brunei, Anjoran Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, kapada mereka yang telah di-timpa benchana alam, termasok kebakaran, ayer merah yang telah melanda telok Brunei, mengakibatkan banyak nelayan yang terputus mata pencharian-nya, termasok memberi kacha-mata kapada orang yang benar2 memerlukan-nya dan lain2 bantuan derma kebajikan.

# Chalun Ketua Kampong

PANCHOR MURAI—Lebeh 100 orang pendudok di-Kampong Panchor Murai dan Imang, Daerah Brunei dan Muara telah berhimpon di-Sekolah Melayu Panchor Murai Jumaat lalu bagi membuang undi untok pemilehan chalun melantek ketua kampong tersebut.

Tiga orang chalun telah di- pileh ia-itu, Awang Lamit bin Baha mendapat 48 undi, Awang Rajab bin Musa mendapat 36 undi dan Awang Silim bin Timor mendapat 23 undi.

Nama2 mereka akan di-hadapkan kapada Setia Usaha Kerajaan untok di-luluskan. Pembuangan undi tersebut telah di-lakukan di-hadapan dan di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pehin Dato Inderasugara Datu Seri Laila Jasa Awang Hj Johari dan pegawai2 dari pejabat daerah.

Sementara itu di-Tutong pemilehan bagi chalun ketua Kampong Nong Nayan akan di-adakan pada 16hb Oktober depan bertempat di-Balai Raya Kampong Bukit mulai jam 10.00 pagi.

Pendudok2 Kampong Nong Nayan dan sekitar-nya ada-lah di-minta hadhir ka-majlis pemilehan chalun itu.

# Pertiwi Belait anjor majlis Hari Raya

KUALA BELAIT. — Persatuan Pertiwi Daerah Belait akan menganjorkan Majlis Perjumpaan Hari Raya yang akan di-langsongkan di-Dewan Kemasharakatan pada hari Ahad akan datang ini.

Majlis Perjumpaan itu akan di-mulakan jam 1.30 petang, dan antara achara yang akan di-persembahkan ia-lah berzikir, gambus dan nashid.

Pertunjokan tarian juga akan di-persembahkan oleh ahli2 Persatuan itu.

# *Kunjongi pendudok2 di-pendalaman*

BANDAR SERI BEGAWAN. —Rombongan perubatan yang menggunakan helikopter telah pun melawat ka-empat buah kampong pendalaman dan kerada di-sebelas buah yang lain dalam bulan ini.

Antara kampong2 tersebut ia-lah lima di-Dearah Belait, tujoh di-Tutong dan tiga di-Dearah Temburong.

Pendudok2 di-kampong2 tersebut yang memerlukan rawatan tersebut boleh-lah berada di-klinik2 sementara untok mendapatkan rawatan.

Sementara itu, satu rombongan pergigian dari Hospital Besar di-Bandar Seri Begawan akan melawat ka-Daerah Temburong pada 13hb dan 27hb Oktober ini. Mereka yang memerlukan rawatan itu boleh-lah berkumpol di-Hospital Banagr.

# JIWA TENTERAM, AMAN DAMAI ADA-LAH KEBAHAGIAAN HIDUP

# KHUTBAH JUMAAT



WAHAI kaum Muslimin,

Mari-lah kita sama2 bertakwa kehadzarat Allah dengan mengerjakan segala apa jua surohan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Ketenangan dan ketenteraman jiwa boleh di-katakan menjadi idaman kapada semua orang. Jiwa yang tenteram, aman damai merupakan sharat utama kebahagiaan hidup sa-seorang. Dalam pada itu, perlu di-ingat, bahawa ada-lah jiwa itu pula sentiasa terdedah kapada gejala2 tekanan saperti takut, resah gelisah, keloh kesah, bimbang dan lain2 perasaan yang kadang kala membawa sa-orang itu hidup merana.

Ada orang yang mungkin bertungkus lumus menchari kekayaan, kerana pada sangkaan-nya dalam harta yang banyak itu akan di-perolehi ketenangan, boleh di-dapati-nya segala yang membahagiakan hidup-nya. Tetapi ternyata harta kekayaan kadang kala tidak juga dapat membahagiakan sa-seorang dengan sa-penoh-nya, bahkan jika silap2 langkah dan salah perhitongan, harta kekayaan itu boleh menjerumuskan sa-seorang kapada berbagai2 penyakit jiwa, saperti mungkin menukarkan sifat sa-orang yang asal-nya lemah lembut dan pengasehan kapada bersifat ganas dan kasar, dari sa-orang yang pemurah kapada sa-orang yang tamak haluba. Tetapi dalam pada itu, tidak-lah pula di-napikan ada orang2 yang beruntong dunia dan akhirat-nya bila ia pandai menggunakan harta-nya.

Oleh kerana ketenteraman jiwa itu menjadi idaman semua orang, maka semua orang pula akan berusaha menchari-nya menurut chara dan kacha mata masing2. Mungkin ada yang sampai memperbanyakkan maksiat dan melakukan munkarat kerana di-sangka-nya perkara itu dapat mententeramkan jiwa, saperti memakan dadah, meminum minuman yang di-tegah Allah, bermain judi dan yang sa-umpama-nya, yang tujuan pokok sa-mata2 ia-lah hendak menchari ketenteraman jiwa. Tetapi chara begini, chara yang bertentangan dengan ugama itu bila di-lakukan ada-lah tidak ubah-nya saperti berubat dengan rachun atau menambah penyakit yang telah sedia ada dengan penyakit yang lain pula.

Jiwa yang tenteram sangat-lah di-perlukan dalam kehidupan kita, terutama dalam memutuskan atau mengendalikan sesuatu urusan yang besar. Maka bagi memelihara dan mengasoh jiwa supaya sampai keperengkat annafsul mutamainnah (النفس المطمئنة) (jiwa yang tenang tenteram), maka ugama Islam telah menyediakan banyak chara atau kaedah bagaimana hendak mententeramkan jiwa dan menghindarkan-nya daripada gangguan2 perasaan yang tidak menentu.

Di-antara banyak chara untok mententeramkan jiwa menurut pandangan Islam ia-lah dengan melakukan apa jua jenis ibadat, terutama pokok atau asas2 ibadat, saperti bersembahyang, puasa, berzakat, melakukan ibadat haji membanyakkan membacha Al-Quran dan lain2, kerana ibadat2 yang di-sebutkan ini ada-lah di-antara kemunchak sa-orang itu akan mengingat Allah.

Mengingat Allah dalam apa jua keadaan dan suasana ada-lah sangat2 di-suroh oleh ugama, kerana dengan mengingat Allah insha Allah akan dapat mententeramkan jiwa sa-terus-nya mendalamkan iman terhadap-Nya, sa-bagaimana firman Allah yang erti-nya kira2: *"Orang2 yang beriman itu dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah, ingat-lah hanya dengan meningati Allah hati itu menjadi tenteram."*

## Sdr. kita

Saudara baru kita dalam gambar ini dua orang adek beradek dari Puak Bisaya telah memelok Ugama Islam pada 2hb Oktober yang baru lalu.

Upachara pengislaman mereka itu telah di-lakukan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan.



## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Dearah Brunei/Brunei, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 13hb Oktober, 1976 hingga ka-hari Selasa 19hb Oktober, 1976 ada-lah saperti di-bawah ini:—

| *Bulan Hari* | *Dzohor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Terbit Matahari* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 13hb Okt. | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 14hb Okt. | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 15hb Okt. | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 16hb Okt. | 12.12 | 3.30 | 1.11 | 7.26 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 17hb Okt. | 12.12 | 3.30 | 1.11 | 7.26 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 18hb Okt. | 12.12 | 3.30 | 1.11 | 7.26 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 19hb Okt. | 12.12 | 3.30 | 1.11 | 7.26 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# MENGHADHIRI KURSUS HAJI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jemaah2 Haji kita pada tahun ini, dengan izin Allah s.n.w. akan berangkat katanah suchi Mekah untok menunaikan Fardhu Haji dalam dua penerbangan. Pertama pada 4hb Nobember dan kedua pada 8hb Nobember, akan datang.

Sebelum mereka menunai Fardhu Haji, sa-bagaimana biasa-nya Jemaah2 tersebut telah di-berikan Kursus Haji yang berasingan di-seluroh negeri anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

**Kelihatan dalam gambar di-bawah ini, ia-lah sa-bahagian dari Jemaah Haji kita sedang tekun mendengarkan penerangan2 berhubong dengan chara2 mengerjakan Fardhu Haji.**





The Paduka Seri Begawan Sultan inspecting guards of honour as soon as he arrived at Tutong Camp.

# PADUKA SERI BEGAWAN VISITS TUTONG BATTALION

The Royal Brunei Malay Regiment Second Battalion held a big party at its Junior Officers' Club at the Tutong Camp to celebrate the Paduka Seri Begawan Sultan's 60th birthday last Saturday night.

Among more than eight hundred who attended the party were Geneeral Advisor to His Highness the Sultan, Pehin Dato Isa and the Commander of the Royal Brunei Malay Regiment, Colonel Norman Roberts.

The Paduka Seri Begawan Sultan also received a birthday gift — a silver paddle — from the Second Battalion, which was presented to him by the battalion's youngest soldier, Awang Sidop bin Salat.



# HARI RAYA PARTY

About fifty blind people in the Brunei/Muara District were entertained to a special Hari Raya party which was organised by the De'Mixture Association and the Welfare, Youth and Sports Department at the Youth Centre in Bandar Seri Begawan last Thursday night.

The Director of Welfare, Youth and Sports, Pehin Dato Setia Awang Hj Hussain, in his speech said that the Government MAY establish a school and a vocational training centre for the disabled in the State. A survey and research for the purpose are now being carried out.

The blind people were also entertained to music and singing.

Later, the Chief Welfare Officer, Datin Hajjah Zahrah, the Chief Youth and Sports Officer, Pg Idris and a representative from the De' Mixture Association, Pg Radin, presented each blind person with cash donations and gifts.



Armoured Cars attract much attention of the Paduka Seri Begawan Sultan.



The y... to the

# Interpol meeting

Brunei was represented at this year's Interpol General Assembly which began in Ghana last week by the Commissioner of Police, Pg Setia Raja Pg Jaya bin Pg Hj Rajid, and his assistant, Pg Putera Negara Pg Omar bin Pg Dato Penghulu Pg Hj Apong.

The Police Commissioner left the State for the Ghanian capital, Accra, on Thursday which his assistant left the following day.

The conference which brought together senior police officials from all over the world discussed latest crime fighting methods.

# Further studies in Cairo

Seven students, eight officials of the Religious Affairs Department and five others left for Cairo to further their studies on Thursday and Wednesday respectively.

The students are taking up degree courses in various academic subjects at the Al-Azhar University, and they will be away for four years.

While the eight officials and five others are now attached to the above mentioned university for four years where they'll take the Bachelor of Arts degrees in Islamic Law, Islamic Theology and History.

All of them are on Brunei Government scholarships.

The Chief Welfare Officer, Datin Hajjah Zaharah inspecting Awg Ahad's house cutted by fire at Kampong Kupang, Tutong District.



# Sign-boards all kampongs

Brunei's four districts have jointly introduced a scheme under which all the kampongs will have sign-boards showing the names of kampongs.

The boards will be put up at the kampong boundaries.

Nearly all the kampongs in the Brunei/Muara and the Belait districts, as well as about 50 in the Tutong district have already been installed with sign-boards.



The Paduka Seri Begawan S...

# PEMENTASAN UNTOK TAMBAH KEWANGAN BADAN KEBAJIKAN KEBANGSAAN BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. —Badan Kebajikan Kebangsaan Negeri Brunei, di-bawah anjoran Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan di-jangka akan dapat menambah simpanan tabong kewangan-nya berikutan dengan beberapa projek yang akan di-lancharkan-nya nanti.

Dengan projek itu ada-lah di-harapkan bahawa Badan Kebajikan Kebangsaan Brunei itu akan dapat meluaskan pemberian bantuan kapada raayat yang benar2 memerlukan-nya termasok bantuan pelajaran kapada anak2 yatim dan bantuan kapada orang2 yang di-timpa oleh benchana alam saperti mangsa2 kebekaran.

Juruchakap Badan Kebajikan Kebangsaan itu menyatakan sa-jauh ini lebeh dari $30,000.00 telah di-sumbangkan oleh tabong itu kapada mangsa2 benchana alam saperti kebakaran, ayer merah, membangunkan rumah kapada orang2 yang benar2 memerlukan, membaiki rumah2 yang telah di-timpa angin dan lain2 lagi termasok bantuan kacha-mata bagi yang benar2 memerlukan-nya.

Antara projek bagi menambahkan tabong kewangan-nya itu ia-lah langkah Jawatankuasa Badan Kebajisaan tersebut untok mengadakan pementasan artis2 luar negeri di-beberapa tempat di-negeri ini.

Sa-buah pertubohan hiboran "Seri Bangsawan" dari Kuala Lumpur yang artis2-nya termasok pelawak yang terkenal R. Jaafar dengan pasangan baru-nya Ahmad Arab, akan dapat di-lihat dengan gelagat2 yang menggelikan hati dalam beberapa siri lawak jenaka mereka.

Turut sama dalam rombongan itu nanti ia-lah pelawak TV Rohaya Rahman dan beberapa orang dramatis muda.

Mereka akan mengadakan pementasan2 drama, tarian2, nyanyian2 serta silat panchak sa-lain dari lawak jenaka.

Jadual persembahan pementasan itu ia-lah mulai 14hb hingga 19hb Oktober, di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan; dari 20hb hingga 25hb Oktober, di-Dewan Kemasharakatan, Kuala Belait.

Pertunjokan2 itu akan di-adakan mulai jam 7.30 malam (pertunjokan pertama) dan pertunjokan kedua mulai pukol 9.30 malam.

Tiket2 yang berharga $5, $3 dan $2 boleh di-dapati di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Pusat Belia dan Resturan Rasa Sayang bagi pertunjokan2 yang akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan.

Bagi pertunjokan di-Kuala Belait, tiket2 itu boleh di-perolehi di-Jabatan Penchen, Pusat Belia KB pada waktu2 pejabat di-buka dan di-Dewan Kemasharakatan pada hari2 pertunjokan itu.







**Gambar2 yang di-siarkan ini ada-lah di-antara beberapa achara yang akan di-persembahkan oleh rombongan itu nanti.**

## 35 PESAKIT DI-RAWAT DI-LUAR NEGERI

BANDAR SERI BEGAWAN. —Kerajaan Brunei menerusi Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan telah menghantar sa-orang pesakit bagi mendapatkan rawatan perubatan di-Singapura pada hari Isnin minggu lepas.

Awang Lim Boon Tee pesakit yang berumor 56 tahun telah mendapat rawatan di-Rumah Sakit Besar Seri Begawan hampir enam bulan, ia-nya yang mengidap penyakit barah sedang di-rawat di-Rumah Sakit Outram Road Singapura bagi mendapatkan perubatan lanjut.

Di-samping itu Awang Sea Ah Choon, 46 tahun juga mengidap penyakit barah telah bertolak pada Selasa lalu untok mendapatkan rawatan ulang kaji di-tempat yang sama.

Juga turut mendapat rawatan yang sama minggu ini ia-lah Dk Zaleha binte Pg Setia Raja Pg Jaya berusia 15 tahun, ia-nya telah berlepas Khamis lalu.

Sa-jauh ini Kerajaan telah menghantar 35 orang pesakit ka-luar negeri termasok 32 orang di-rawat di-Singapura, sa-orang di-Australia, dua orang ka-Hong Kong dan London.

Penghantaran pesakit2 keluar negeri ini ada-lah atas tanggongan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kapada pesakit yang mengidap penyakit yang sukar mendapat rawatan sa-penoh-nya di-negeri ini.

Kerajaan DYMM akan sentiasa menghantar pesakit2 menerusi Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan dengan perchuma kapada pesakit2 yang wajar mendapat rawatan perubatan di-luar negeri demi untok kebajikan dan kesejehteraan rakyat dan pendudok negeri ini terutama masaalah kesihatan.

## Lagi ikuti latehan di-Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Pendaftar Mati dan Beranak, Dayang Mordiah binte Haji Zakiah, telah berlepas ka-Singapura minggu lalu.

Beliau akan mengikuti latehan di-sana sa-lama tiga bulan di-Pejabat Pendaftaran Mati dan Beranak di-Reblik itu.

Sa-lama dalam latehan tersebut beliau akan mempelajari selok belok serta chara2 pendaftaran mati dan beranak di-Republik Singapura.

## Pusat pengajian tinggi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu persidangan bagi membinchangkan usaha2 penubohan pusat pengajian tinggi termasok usaha2 penyelidekan terhadap masaalah2 yang terkandong di-dalam-nya telah di-adakan Khamis lepas yang berlangsong di-Bilek Persidangan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan.

Persidangan yang di-hadhiri oleh Ahli2 Jawatankuasa Pengasas Bagi Faedah Mengendalikan Maksud2 Kemungkinan Mengadakan Kemudahan Pelajaran Tinggi di-negeri ini dengan wakil British Council, Awang Peter Martin, Timbalan Pengawal Bahagian Pelajaran dan Sains.

Ada-lah di-fahamkan bahawa rumusan dari perundingan itu nanti akan menjadi asas perundingan Awang Peter Martin dengan pehak universiti berkenaan dan kesimpulan-nya akan di-jadikan asas ranchangan (blue print) bagi penubohan pusat pengajian tinggi tersebut.

## Penuntut2 aliran Melayu ka-UK

BANDAR SERI BEGAWAN. —Sa-ramai 26 orang penuntut termasok sa-orang penuntut perempuan aliran Melayu dari Pusat Tingkatan Enam, Jalan Muara akan berlepas ka-United Kingdom bulan ini untok meneruskan pengajian mereka atas biasiswa Kerajaan DYMM.

Mereka akan bertolak dalam dua rombongan. Rombongan pertama akan berlepas ini sa-ramai 12 orang dan 14 orang lagi dalam rombongan kedua akan bertolak esok.

Ini ada-lah penghantaran yang julong2 kali sa-chara rombongan bagi penuntut2 aliran Melayu yang telah lulus pepereksaan Sijil Tinggi Persekolahan pada tahun lepas ka-UK.

Mereka akan di-tempatkan di-Regency School of English, Ramsgate, Rent, England sa-lama dua tahun bagi mengikuti kursus dalam bahasa Inggeris sa-belum meneruskan pengajian mereka ka-kursus lanjutan.

Nama2 penuntut yang beragnkat dalam rombongan pertama hari ini ia-lah:

Abd Talip bin Tassim, Bakar bin Hj Berudin, Salamat bin Liman, Marsidi bin Hj Akip-Hakip, Awang Sem Pin @ Nayan, Jantin bin Jamau, Abib bin Hj Mohiddin, Yusof bin Metassan, Hassan bin Jumahat, Ak. Othman bin Pg Ibrahim, Kassim bin Metali dan Mohd Hassan bin Hj Mohd Tahir.

Sementara itu rombongan kedua yang akan bertolak esok ia-lah:

Ak. Idris bin Pg Hj Bakar, Manjanai bin Tujoh, Manap bin Md Zin, Alipudin bin Omarkandi/Maratandi, Metali bin Sitai, Tarip bin Hj Ali Hassan, Simat bin ngas, Larang bin Malang, Md Salleh bin Mohamad, Mohamad Taib bin Hj Abd Wahab, Ak Redzun bin Pg Hj Abbas, Ahmad bin Tinggal, Kassim bin Nilau dan Dayang Abulanak/Norsiah bte Sulaiman.

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 13hb Oktober, 1976.

# SUMBANGAN AMAL ITU KEWAJIPAN KITA MENURUT AJARAN ISLAM — Dato Abd. Salam





Kelihatan Dato Setia Awang Hj Abdul Salam sedang menyampaikan derma kapada salah sa-orang anak yatim di-majlis tersebut manakala gambar di-sebelah kiri bawah menunjokkan sa-bahagian dari hadhirin yang menyaksikan majlis penyampaian derma amal dari Persatuan Melayu Keriam.

**KAMPONG KERIAM, Daerah Tutong. — Kadzi Daerah Tutong, Dato Setia Awang Haji Abdul Salam menyatakan tahniah-nya atas langkah2 yang telah di-ambil oleh para Jawatankuasa Persatuan Melayu Keriam, yang telah menyumbangkan derma amal kapada anak2 yatim serta orang2 yang kurang bernasib baik di-Kampong Keriam sini, yang telah di-sampaikan-nya di-Dewan Persatuan tersebut menjelang Hari Raya Idilfitri, yang baru lalu.**

Beliau mensifatkan bahawa amalan tersebut itu juga merupakan sa-bahagian dari kewajipn kita menurut ajaran Ugama Islam yang maha suchi di-samping kita dapat menelorkan satu perpaduan yang kukoh lagi kuat.

Menurut-nya lagi bahawa sumbangan derma itu ada-lah suatu chontoh yang baik di-lakukan sa-bagai suatu projek persatuan2 belia dan kebajikan di-samping memainkan dua peranan yang penting: Pertama menolong kapada mereka yang patut di-bantu dan kedua bagi menyatukan masharakat sa-tempat.

Sa-belum itu, Yang Dipertua Persatuan Melayu Keriam, Awang Haji Jaunidi bin OKSN Hj Safar, dalam uchapan-nya menegaskan bahawa manusia yang mewah itu harus-lah tidak melupakan kapada mereka yang kurang bernasib baik, terutama di-saat2 umat islam menyambut Hari Raya Fitrah ini.

Menyedari hakikat ini-lah Persatuan Melayu Keriam turut menghulorkan derma amal ala kadar yang terdaya sa-kurang2-nya derma ini akan dapat di-gunakan mereka untok sama2 menyambut hari yang bahagia yang sama2 di-rayakan oleh umat islam seluroh-nya.

Pelita Brunei di-fahamkan bahawa sumbangan derma amal sa-banyak $500.00 itu ada-lah merupakan derma amal kali yang ketiga pernah di-lakukan oleh persatuan tersebut. Derma amal ini menurut-nya lagi bukan-lah di-sifatkan sa-bagai zakat persatuan.

Ada-lah juga di-fahamkan sa-rombongan peserta2 yang menghadhiri kursus yang akan mengikuti satu kursus pimpinan Sharikat Kerjasama anjoran Jabatan Sharikat Kerjasama akan melawat Kedai Shrikat PESAKA, pada 7hb Nobember, akan datang.

# JABATAN PERTANIAN ANJOR SEMINER LEMBU

BANDAR SERI BEGAWAN. —Jabatan Pertanian sa-jauh ini telah mengimpot binatang ternakan saperti lembu dan kambing dari luar negeri terutama dari Australia.

Usaha mengimpot binatang2 ternakan ini ia-lah bertujuan untok menambahkan lagi pemeliharaan binatang2 yang bermutu tinggi saperti pemeliharaan lembu jenis daging yang baik.

Di-samping ia-nya di-harapkan untok di-bahagi2kan kapada penternak2 negeri ini binatang2 tersebut telah juga di-pelihara untok pembiakan di-pusat2 pemeliharaan ternakan di-pusat2 pertanian saperti pusat pemeliharaan di-Luahan Jerudong.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerusi Jabatan Pertanian juga dalam usaha2 memperbanyakkan pemeliharaan binatang2 ternakan yang bermutu tinggi telah berusaha terlebeh dahulu untok memberikan panduan dalam pemeliharaan yang betul ka-atas binatang2 ternakan itu — ini termasok-lah projek2 latehan2 dan seminar2.

Pada masa ini Jabatan tersebut telah pun merancheng untok mengadakan satu seminar yang julong2 kali di-adakan khusus dalam perkara2 pemeliharaan ternakan yang di-impot.

Satu Seminar Lembu Jenis Droughtmaster akan di-adakan di-negeri ini yang di-jangka akan berlangsong dalam bulan Oktober ini.

Seminar tersebut di-adakan dengan tujuan memperkenalkan kapada pegawai2 pertanian dan pegawai2 dari jabatan2 Kerajaan yang lain khusus mengenai pemeliharaan dan kebaikan ternakan ini perlu di-lakukan di-negeri ini.

Seminar yang bakal di-adakan itu akan berlangsong sa-lama dua hari, hari pertama ia-nya di-adakan untok pegawai2 perengkat menengah dari jabatan2 Kerajaan dan hari kedua pula ia-lah untok ketua2 jabatan.

Pada masa ini Jabatan Pertanian telah pun mendatangkan 112 ekor lembu jenis Droughtmaster ka-negeri ini pada 18hb September yang lalu, 102 ekor lembu betina dan 10 ekor lembu jantan — sembilan ekor antara-nya jenis Droughtmaster dan sa-ekor jenis Brahman, di-samping itu 10 ekor kambing, empat jantan dan enam betina.

Ada-lah di-fahamkan bahawa lembu jenis Droughtmaster yang baru di-impot ini ia-lah lembu jenis yang terbaik dalam pemeliharaan pengeluaran daging di-mana berat tiap2 sa-ekor ada-lah di-anggarkan 2,000lbs.

Dalam Seminar yang bakal di-adakan itu nanti cheramah2 mengenai pemeliharaan lembu jenis Droughtmaster ini akan di-sampaikan oleh Pengarah Pusat Pertanian Sinaut J.St.J. Groome di-samping pertunjokkan filem dan poster yang berhubong dengan lembu Droughtmaster.

Ada-lah di-harapkan dengan pengimpotan dan pemeliharaan lembu dan kambing yang bermutu tinggi dalam penyeluaran-nya di-negeri ini, kekurangan bekalan daging di-masa2 akan datang di-negeri ini akan dapat di-atasi.



Sa-bahagian dari 112 ekor lembu2 jenis Droughtmaster yang di-impot dari Aus[illegible]ang maseh dalam 'korantin' di-stashen pemeliharaan ternakan di-Luahan, Jerudong sedang m[illegible]ndang kawalan.

# 51 ACHARA SOKAN ANTARA SEKOLAH2 MINGGU INI

BANDAR SERI BEGAWAN. —Sa-banyak 51 achara akan di-pertandingkan bagi merebut kejohanan Sokan kali ke-4 tahun ini antara 35 buah Sekolah2 Menengah Bawah dan Sekolah Persediaan Inggeris seluroh negeri, akan di-langsongkan di-Padang SMJA, pada hari Ahad ini.

Achara yang bermula jam 9.00 pagi itu akan di-rasmikan oleh Pengerusi Majlis Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri, manakala hadiah2 pula akan di-sampaikan oleh Pemangku Pengarah Pelajaran Brunei, Awang Ahmad bin Haji Jumaat.

Peserta lelaki yang akan mengambil bahagian dalam kejohanan sokan itu terbahagi kapada empat bahagian, ia-itu: "A" Tingkatan umor 11 tahun ka-bawah, "B" 12-13 tahun "C" 14-15 tahun dan "D" 16-18 tahun.

Bahagian kejohanan perempuan terbahagi kapada dua bahagian: "A" Tingkatan umor 12 tahun ka-bawah dan "B" 13 tahun ka-atas.

Sa-banyak 32 achara akan di-pertandingkan di-sebelah pagi dan 19 achara akan di-pertandingkan di-sebelah petang-nya antara-nya: Lompat jauh, lompat tinggi, lompat kijang, lompat bergalah, buang peluru lari 100 meter lompat pagar, lari 800 meter, lempar piring, lontar lembing, lari 100 meter, 200 meter, 400 meter dan 1,500 meter.

Sekolah2 yang akan mengambil bahagian ia-lah :—

SM. SMJA, MMPSBS, St. Andrews, STPRI, Chung Hwa, SM. Arab, SMM. Bunut, SPI. A/Desa, SPI. Gadong, SPI. Lambak, BES, SPI. Sengkurong, SPI PKL/Batu, SOAS (J), SPI. A/Pahlawan, SPI. Dato Gandi, SPI. Bandar Seri Begawan, SPI. Kilanas, SPI. Temoi, SPI. Sg/Hanching, CHMS, Brunei/Muara, COMS, AAC Seria, SIPW K. Belait, St. Michael Seria, SMMMA Seria, SMMAT KB., SPI. KB., SPI. Seria, SMM. S. Hassan, Temburong, SPJ. Bangar, SPI. Tutong, SBES dan SMMMH.

belia dan sokan

## Perlawanan Bolasepak anjoran BSA Belait

KUALA BELAIT. — Persatuan Bolasepak Amatur Daerah Belait akan menganjorkan satu perlawanan bolasepak antara Jabatan2 Kerajaan di-Daerah Belait, mulai bulan Nobember akan datang.

Perlawanan sechara sistem league berpasokan itu hanya-lah membenarkan tiap2 satu Jabatan menubohkan satu pasokan dan mereka boleh bergabong dengan lain2 Jabatan, ia-itu tidak lebeh dari tiga Jabatan bagi satu pasokan.

Borang2 untok menyertai perlawanan itu boleh di-dapati dari sekarang dan berhubong-lah kapada mereka yang tersebut ini:—

Pengiran Alihassan bin Pg DSLJ Haji Abas, Pejabat Tanah; Awang Ismail bin Apong, Pusat Belia dan Awang Hashim Suhaimi, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

Ada-lah juga di-nyatakan supaya borang2 yang telah di-isikan itu di-kembalikan tidak lewat pada 23hb Oktober ini.



**Lebeh 1,000 orang anak2 yatim telah menghadhiri majlis jamuan Hari Raya yang telah di-adakan di-Dewan Pusat Belia Bandar Seri Begawan, yang lalu. Ia-nya di-anjorkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan.**

**Ketika mengalu2kan anak2 yatim itu, Pengarah Jabatan tersebut Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Husain menasehatkan para penjaga anak2 yatim itu supaya menjaga mereka dengan baik serta berusaha memperbaiki keadaan mereka yang kurang bernasib baik itu.**

**Antara achara2 yang di-adakan pada petang itu ia-lah nyanyian dan permainan2. Kanak2 itu juga di-jamu dengan ice-cream dan jamuan ringan.**

**Gambar atas: Kelihatan anak2 yatim itu sedang ashek menyaksikan kawan2 mereka dalam salah satu achara permainan memechah belun. Gambar bawah: Salah sa-orang daripada mereka menerima hadiah yang telah di-sampaikan oleh Ketua Kampong Pengiran Pemancha Lama, Pengiran Haji Mahmud bin Pg Hj Md Daud.**

## Sokan Ria anak2 AMDB di-Muara

MUARA.— Sa-banyak sa-belas achara telah di-adakan dalam satu temasha sokan bagi anak2 askar Angkatan Laut Pertama Askar Melayu Diraja, telah di-langsongkan di-sini minggu lalu.

Kira2 sa-ramai 50 orang anak2 telah mengambil bahagian dalam temasha sokan tersebut termasok achara lumba lari dalam guni, memakan roti tergantong dan memechah belun.

Pesta ria ini di-ikuti dengan satu jamuan Hari Raya bagi anak2 askar Angkatan Laut Pertama AMDB, yang juga di-sertai oleh kira2 20 orang anak2 yatim dari Daerah Brunei dan Muara. Mereka telah di-beri hadiah2 dan wang2 tunai.

Kemunchak achara sokan itu ia-lah perlawan tarek kalat di-antara kanak2 askar dengan anak2 yatim itu, keputusan-nya telah di-menangi oleh kanak2 askar.

Setelah majlis jemuan dan achara sokan ria itu, kanak2 tersebut telah di-bawa menyaksikan satu pertunjokan wayang gambar.

## Mashuarat J/kuasa BAAA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Sokan Amatur Negeri Brunei akan mengadakan mashuarat-nya kali ke-7, di-Pusat Belia sini pada hari Jumaat 15hb Oktober ini.

Penolong Setiausaha Kehormat BAAA, Awang Basri bin Haji Lahid, mengharapkan kapada semua Jawatankuasa supaya akan hadhir ka-mashuarat tersebut yang di-mulakan pada jam 2.30 petang.

Antara agenda dalam mashuarat tersebut ia-lah: Membentangkan laporan Rombongan Sokan BAAA ka-Singapura, yang baru lalu, Sokan Tahunan BAAA 19hb Disember akan datang dan cheramah "Belia dengan aktibiti sokan dan olahraga" anjoran BAAA.



## *Pasokan Chator Brunei ka-Manila*

**BANDAR SERI BEGAWAN. —Satu rombongan Persatuan Chator Brunei, telah berangkat ka-Manila, petang Ahad lepas untok mengadakan perlawanan chator sa-chara pershabatan di-sana.**

Sa-ramai tujoh orang pemain dan empat pegawai dari Persatuan tersebut termasok Yang Amat Mulia Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Limbang, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Damit, Awang Anthony Chin, Awang Peter Sumasundaram dan Awang Ibrahim Abdul Ghani, sa-bagai Pengurus dan Pengawas pasokan.

Lain2 pemain ia-lah: Awg Abdul Rahman bin Haji Tahir, A. Taha bin Haji Tahir, Awang Ismail bin Haji Yussof, Awangku Mohd Limbang bin PLW Pg Haji Mohd Yussof, Awang Mohammad bin A. Damit dan Awang Daud bin Haji Sabli.



The Paduka Seri Begawan Sultan inspecting weapons.



...nt soldier, on behalf of the Tutong 2nd Battalion, presents a silver PADDLE ...uka Seri Begawan Sultan to mark his visit.

# *Talk on higher Education*

Talks were held last Thursday about the establishment of higher education facilities in Brunei.

The discussions, held at the Language and Literature Bureau in Bandar Seri Begawan, involved members of the Brunei Founding Committee for the Supervision of Higher Education Establishments, and Mr. Peter Martin, who's the Deputy Controller of the British Council's Education and Science Division.

It was decided that an overseas expert will be engaged to draw up a full report on possible higher education.

Mr. Martin, who arrived in Brunei last Wednesday, left the State on Friday.



...its the school of the 2nd Battalion of RBMR in Tutong.



# RANCHANGAN tv BRUNEI MINGGU INI

TV BRUNEI reserves the right to alter programme as necessary. Finalised telecast details will appear in our daily programme summaries.

## WEDNESDAY 13 OCTOBER

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Lost In Space — "The Astral Traveller"
6.12 pm Azan
6.16 pm Lost In Space — cont'd
7.00 pm English News
7.10 pm New Scotland Yard — "Pier"
8.00 pm Hogan's Heroes — "Happiness is a White Sergeant"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Music For Guitar
9.15 pm The Survivors — "Galland's War"
10.05 pm Show Of The Week: Helen Reddy Midnight Special.
11.20 pm Close Down.

## THURSDAY 14 OCTOBER

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Voyage To The Bottom Of The Sea — "Return of Phantom"
6.12 pm Azan
6.16 pm Voyage To The Bottom Of The Sea — cont'd
7.00 pm English News
7.10 pm "Danger Freaks"
8.00 pm Wide World of Sports
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Hidayat
9.15 pm The Protectors — Ep. 2 "The Bridge"
9.45 pm The Vriginian — "Silver Image"
11.00 pm Close. Down.

## FRIDAY 15 OCTOBER

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Circus — "Circus Casertelli from Caorle"
6.12 pm Azan
6.16 pm Circus — cont'd.
6.32 pm Milton The Monster — "Fly Hijack"
7.00 pm English News
7.10 pm Documentary: "Neferititi and the Computer"
8.00 pm Police Surgeon — "A Taste of the Sun"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Mystery Movie: Columbo "Dady in Waiting"
11.00 pm Close. Down.

## SATURDAY 16 OCTOBER

5.45 pm Opening/Programme Summary

# "The Sweeney"

"The Sweeney" is underworld slang for the Flying Squad. In this new series John Thaw stars as Inspector Jack Regan a faceful and unorthodox detective, and Dennis Waterman plays Sergent Carter, his right-hand man.

5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
7.00 pm English News
6.02 pm Sesame Street
6.11 pm Azan
6.15 pm Sesame Street—cont'd
7.00 pm English News
7.10 pm Cannon — "Missing ta Fl. 307"
8.00 pm Dick Emery Show — "Family Way"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Star Soccer
9.35 pm Saturday Movie: Universal "Shadow Over Elveron"
11.00 pm Close Down.

## SUNDAY 17 OCTOBER

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Vision On
6.11 pm Azan
6.15 pm Vision On — cont'd.
6.32 pm Dr Who — "Frontier of Space" Ep. 3
7.00 pm English News
7.10 pm Matt Helm — "Squeeze Play"
8.00 pm Survival — "This Park is Dying of Thirst"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Senandong Sayang
9.15 pm Drama: "Melissa" Prog. 2.
10.15 pm Orson Welles Mysteries — "Trial for Murder"
10.45 pm Close Down.

## MONDAY 18 OCTOBER

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Swiss Family Robinson — Ep. 6 "The Tiki
6.11 pm Azan
6.15 pm Swiss Family Robinson — cont'd
7.00 pm English News
7.10 pm The Persuaders — "Element of Risk"
8.00 pm I Dream of Jeannie "My Master the Author"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Majlis Perbinchangan
9.15 pm Caribe — "Counterfeit Killer"
10.05 pm Thriller — " Lady Killer"
11.20 pm Close Down.

## TUESDAY 19 OCTOBER

5.45 pm Opening/Programme Summary
5.48 pm Koran
6.00 pm News Headlines
6.02 pm Sesame Street
6.11 pm Azan
6.15 pm Sesame Street—cont'd
7.00 pm English News
7.10 pm Mission Impossible — "Shape Up"
8.00 pm The Monkees — "99 Pound Weakling"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Selayang Pandang
9.15 pm Kojak
10.05 pm Emergency — "English Visitor"
11.00 pm Close Down.



Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awg Hj Husain.

# KERAJAAN MUNGKIN TUBOH SEKOLAH LATEHAN VOKESHIONAL ORANG2 CHACHAT — Pehin Dato Husain

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mungkin akan menubohkan sa-buah Sekolah dan Pusat Latehan Vokeshional bagi orang2 chachat di-negeri ini, dan penyelidekan serta pengkajian bagi tujuan ini sedang di-jalankan.

Ini telah di-tekankan oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Husain, dalam satu majlis jamuan sambutan Hari Raya bagi orang2 buta di-Daerah Brunei dan Muara, minggu lalu.

Beliau juga menasehatkan kapada para ibubapa supaya jangan mengurong anak2 mereka yang chachat di-rumah, akan tetapi hendak-lah membantu membaiki masa depan mereka itu dengan sebaik2-nya.

Sa-ramai kira2 50 orang buta yang hadhir di-majlis tersebut telah berkesempatan mempersembahkan kebolehan mereka memainkan alat musik dan bernyanyi.

Majlis tersebut yang di-anjorkan bersama oleh Persatuan De Mixture dan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan telah menghadiahkan wang dan barang2 kapada orang2 buta itu.

Dalam satu pertunjokan amal anjoran Ahli2 Yahama Band Concert di-Pusat Belia baru2 ini, ketika menyampaikan uchapan-nya, Pehin Dato Awang Haji Husain menyatakan antara lain: "Saya merasa bangga dan terharu melihat semangat Ahli2 Yahama Band yang mereka tunjokkan pada malam ini yang mana ada-lah di-fahamkan bahawa segala kutipan dari pertunjokkan ini nanti akan di-dermakan kapada Sekolah Melayu Amar Pahlawan Berakas."

## Pembetulan

**Penghantaran penuntut2 aliran Melayu (muka lima) ka-UK, rombongan pertama akan bertolak pada 20hb Oktober dan rombongan kedua pada 21hb Oktober depan bukan saperti yang di-nyatakan, hari ini dan esok.**

## *Jalani kursus singkat di-Singapura*

BANDAR SERI BEGAWAN. —Tujoh orang pegawai dari jabatan2 Kerajaan telah berlepas awal bulan ini ka-Singapura untok menjalani beberapa kursus singkat di-sana.

Awang Ibrahim bin Mohd Yusof, Penyelia Dermaga Gudang telah bertolak pada 3hb Oktober lalu, beliau akan mengikuti kursus sa-lama tiga minggu dalam hal2 Pengendalian kargo kiriman chara biasa dan chara kontena.

Awang Nordin bin Buyong serta Md Hassan bin Hj Md Yusof yang bertugas sa-bagai Penguasa Pelabohan akan mengikuti kursus Pentadbiran dan Perjalanan Pelabohan dan kursus Peranchang dan Pengurusan Pengkalan Kontena Udara sa-lama tiga minggu.

Ketiga2 mereka ini ada-lah pegawai2 dari Jabatan Pelabohan Brunei dan akan di-tempatkan di-Penguasa Pelabohan Singapura.

Juga telah bertolak pada hari Rabu lalu, Awang Ahmad bin Hj Hassan sa-orang pelukis grafik di-Radio Talivishen Brunei akan mengikuti kursus sa-lama 10 minggu di-Republik itu.

Awg Ahmad akan berkursus dan di-tempatkan di-Cepta Talivishen salah sabuah pusat pengusahaan dan latehan untok ranchangan pelajaran dewasa di-talivishen Singapura yang bermula awal minggu ini dan akan berakhir bulan Disember hadapan.

Sementara itu tiga orang lagi Wadar dari Jabatan Penjara telah berlepas Ahad lalu untok mengikuti kursus sa-lama tiga bulan mengenai hal ehwal penjara termasok Undang2 Penjara dan Disiplin Orang2 Salah dan Kanak2 Nakal di-Singapura.

Awg Japor bin Lahap, Awang Bakar bin Jeluddin dan Awg Tajuddin bin Saban akan di-tempatkan dan di-bawah arahan Jabatan Penjara Singapura sa-panjang menjalani kursus ulang kaji mereka.

## Pesta Aidil Fitri

BERAKAS. — Battalion Pertama Askar Melayu Diraja Brunei akan mengadakan Malam Pesta Hari Raya Aidil Fitri pada hari Jumaat 15hb Oktober. Pesta tersebut ada-lah bagi parajurit2 yang bertugas di-Perkhemahan Berakas dan akan di-adakan di-Padang Kawat Perkhemahan Berakas mulai jam 7.30 malam.

Beberapa achara dan peraduan akan di-persembahkan pada malam itu. Antara-nya ia-lah peraduan nyanyian bagi lelaki dan perempuan, peraduan bakat kanak2 lelaki dan perempuan, pakaian beragam, peraduan lawak jenaka, peraduan Ratu Sanggul, peraduan membacha sajak dan lain2 achara yang menarek.

## 7 Penuntut ugama ka-Azhar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai tujoh orang penuntut2 Brunei bahagian Ugama telah bertolak ka-Mesir pada hari Sabtu lalu untok melanjutkan pelajaran mereka di-Universiti Al-Azhar.

Mereka ada-lah lepasan dari Madrasah Al-Juned Al-Islamiah, Singapura dan akan mengikuti kursus perengkat ijazah sarjana muda sa-lama empat tahun.

Antara mereka yang berangkat itu termasok sa-orang penuntut lelaki, Hj Isa bin Datu Derma Wijaya Hj Tamit dan enam yang lain-nya penuntut perempuan, ia-itu: Dy. Piah bte Mohd Sa'ad, Dy Rahimah bte Abu Bakar, Dy Mastura bte Hj Awang, Dy Zasiah bte Sirin, Dy Hajah Fatimah bte Abd Ghani dan Dy Buntar bte Jais.

Dengan penghantaran ini sa-ramai 76 orang penuntut2 dari bahagian ugama sahingga tahun ini telah belajar di-seberang laut atas biasiswa Kerajaan DYMM menerusi Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei termasok 17 orang pegawai2 yang berkursus dalam perkhidmatan. 26 orang penuntut belajar di-Madrasah Al-Juned, Singapura, sa-orang di-Universiti Singapura, 40 orang di-Universiti Al-Azhar dan 9 orang di-United Kingdom.

Turut berlepas minggu ini ia-lah sa-ramai tujoh orang penuntut yang baru menghabiskan perchutian mereka dan akan meneruskan pengajian mereka di-Universiti Al-Azhar telah bertolak Isnin kelmarin.

Terdahulu dari itu sa-ramai 13 orang pegawai dan penuntut2 ugama telah juga berlepas pada Rabu, 6hb Oktober lepas ka-Kaherah.



Gambar tujoh orang penuntut2 ugama yang telah berlepas ka-Kaherah pada Khamis lalu. Mereka ada-lah lepasan dari Madrasah Al-Juned, Singapura.

## *3 sumbangan derma*

BANDAR SERI BEGAWAN. —Lagi beberapa derma sumbangan dari badan2 kebajikan dan orang ramai di-dermakan untok Tabong Anak2 Yatim telah di-sampaikan minggu lalu.

Sa-banyak dua ribu enam ratus ringgit di-dermakan oleh pendudok2 Daerah Belait yang di-sampaikan oleh Pengiran Ali Hassan (gambar minggu lepas).

Awang Abu Bakar bin Sapar, Pegawai Pentadbir Kanan di-Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan pula telah menyampaikan derma sa-banyak lebeh lima ratus ringgit bagi pehak pegawai2 dan kaki-tangan jabatan tersebut.

Dari Sharikat Tenaga Dearah Tutong pula mendermakan wang sa-jumlah tiga ratus ringgit telah di-sampaikan oleh pengarah sharikat tersebut Awang Thani bin Haji Abdul Hamid.

Derma2 tersebut telah di-sampaikan kapada Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan di-Bandar Seri Begawan.